

18/02/1999

Lawatan Presiden Hanjin dijangka memanfaatkan Pelabuhan Klang

Shamshul Azree Samshir

LAWATAN presiden syarikat perkapalan yang berpangkalan di Korea Selatan, Hanjin Shipping Co Ltd, Soo Ho Chor dijangka dapat membantu kempen memperkenalkan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan serantau.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Soo disahkan melawat Pelabuhan Klang pada 22 Februari depan bagi meninjau pelbagai kemudahan yang disediakan di situ.

"Hanjin adalah penyokong utama kepada Pelabuhan Klang kerana barangan yang dibawa ke sini dihantar pula ke Amerika Syarikat dan Perancis," katanya kepada pemberita selepas jamuan Tahun Baru Cina anjuran MCA Selayang di Selangor, semalam.

Dr Ling berkata, Soo juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Februari depan.

Hanjin Shipping adalah anak syarikat Kumpulan Hanjin, satu daripada 10 konglomerat utama di Korea Selatan dan memiliki Syarikat Penerbangan Korea.

Dr Ling berkata, urusan Hanjin di Pelabuhan Klang didapati meningkat setiap masa dan ia boleh membantu pertumbuhan pelabuhan itu.

"Oleh kerana Soo akan tiba di sini, saya mengundang beliau untuk duduk bersama dan berbincang kemungkinan mengadakan kerjasama dalam banyak bidang atau menggunakan lebih banyak perkhidmatan lain," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata, kementerian perlu mendapat laporan penuh kejadian pesawat Boeing 737 Penerbangan Malaysia (MAS) yang mengalami kerosakan teruk selepas mendarat cemas di Kuching, Sabtu lalu sebelum membuat ulasan mengenainya.

Menurutnya, beliau masih menunggu laporan penuh kejadian itu kerana laporan awal yang diterima sebelum ini tidak dapat menghuraikan banyak perkara.

"Sehubungan itu, saya tidak mahu mengulas kemungkinan berlaku kerosakan pada sistem instrumen pendaratan (ILS) seperti yang dilaporkan di akhbar kerana belum menerima laporan lengkap," katanya.

Sabtu lalu, pesawat MH2610 dari Kuala Lumpur ke Kuching yang penuh dengan penumpang, rosak teruk selepas mendarat cemas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Menurut laporan, dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu, satu daripada sayap pesawat berkenaan terkena landasan dan tayarnya pecah. Tiada kecederaan dilaporkan tetapi saksi yang menaiki penerbangan itu mendakwa ada penumpang tercampak dari tempat duduk.

Sumber memberitahu sebuah akhbar, kejadian itu dipercayai berlaku akibat masalah pada ILS yang terletak di landasan lapangan terbang itu.

Menurut sumber itu, pendaratan yang sempurna tidak dapat dilakukan oleh juruterbang selepas pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA), dipercayai membuka alat ILS itu untuk penyelenggaraan.

ILS adalah alat yang terletak di kedua-dua hujung landasan dan berfungsi membalikkan gelombang kepada pesawat bagi membolehnya mendarat tepat di landasan secara automatik.

(END)